

RAKAN MEDIA BAKAL BERENTAP MEREbut GELARAN JUARA BAGI PERTANDINGAN

“UDA MEDIA CHALLENGE 2015”

Pekan, 2 Jun – Bertempat di Ancasa Royale Pekan, Pahang bakal menyaksikan seramai 80 orang pengamal media dan warga kerja UDA bertempur bagi merebut gelaran Juara Kumpulan “UDA Media Challenge 2015” yang akan membawa pulang hadiah istimewa seperti gopro, ipad touch, telefon bimbit pintar dan pelbagai lagi hadiah yang menarik. Program yang akan berlangsung selama 3 hari ini bermula pada 2 Jun 2015 hingga 4 Jun 2015 yang bakal menaikkan adrenalin para peserta yang akan terlibat dengan pelbagai aktiviti lasak dan mencabar.

Tujuan program seperti ini diadakan adalah untuk menjalinkan hubungan yang baik antara bahagian Komunikasi Korporat UDA dan media dari Kuala Lumpur, Johor, Pahng dan Terengganu. Selain itu, program ini diadakan untuk memperkenalkan Hotel Ancasa Royale, Pekan sebagai salah satu destinasi untuk mengadakan pelbagai aktiviti yang menarik kepada kumpulan media.

Pada hari pertama “UDA Media Challenge 2015”, rakan-rakan media akan dibahagikan mengikut kumpulan yang diketuai oleh kakitangan Seksyen Komunikasi Korporat. Setiap ahli kumpulan akan mengatur strategi dan mencipta “war cry” bagi kumpulan masing-masing dan mempersiapkan diri untuk cabaran “UDA BLACK OPS” pada keesokan harinya. Acara “UDA BLACK OPS” ini bakal menguji minda untuk berfikir secara kritikal dalam mengatur strategi, ketahanan fizikal dan mental setiap ahli kumpulan di samping itu, para peserta dapat menikmati keindahan taman botanikal yang kaya dengan khazanah alam untuk melayakkan

mereka bergelar juara kategori berkumpulan. Usai merentasi segala halangan, para peserta sekali lagi diuji dengan acara "AIM & SHOOT" yang akan dijalankan di kawasan kolam renang.

Sebagai acara kemuncak bagi "UDA Media Challenge 2015" ini, majlis makan malam dan penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi acara "UDA BLACK OPS" dan "ANCASA ROYALE CHALLENGE". Selain itu juga, hadiah turut diberikan kepada pemenang bagi kategori "BEST DRESS" untuk lelaki dan perempuan dan "MOST SPORTING" kategori lelaki dan perempuan.

Menurut Encik Ahmad Abu Bakar, Pengarah Urusan Kumpulan UDA, "Program ini diadakan bertujuan untuk mengenali rakan media dengan lebih dekat lagi di samping menghargai kerjasama baik yang mereka berikan khususnya dalam memberikan liputan mengenai aktiviti-aktiviti anjuran UDA serta membantu menyalurkan maklumat syarikat kepada masyarakat. Pada masa yang sama, "UDA Media Challenge 2015" ini juga merupakan ruang dan platform yang tepat bagi UDA dan juga rakan media untuk bersaing secara sihat bagi setiap acara yang dipertandingkan sekali gus dapat menyemai dan memupuk semangat kerja berpasukan di kalangan para peserta tidak kira dari UDA ataupun rakan media."

"Terima kasih saya ucapkan kepada rakan media seperti BERNAMA, New Straits Times, Harian Metro, NTV7, TV9, Berita Harian, Utusan, Kosmo, RTM, Sinar Harian, Karangkraf, Malay Mail, The Star serta Astro Awani kerana sudi meluangkan masa dan tenaga bagi menjayakan Program "Media Survival Challenge" pada kali ini. Harapan saya agar program seumpama ini akan mengukuhkan lagi hubungan yang sedia terjalin di antara rakan media dan UDA dan semoga kita dapat bekerjasama lagi pada masa akan datang,".

TAMAT

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi :-

Puan Radziah Mohamed Fadzil
Bahagian Komunikasi Korporat
UDA Holdings Berhad, Menara BB Plaza, Lot 111
Jalan Bukit Bintang
55100 Kuala Lumpur
Tel : 03-2730 8469
Email : radziah@udanet.com
H/P : 017-3377630

Norazuana Abdullah (Wana)
Bahagian Komunikasi Korporat
Menara BB Plaza, Lot 111
Jalan Bukit Bintang
55100 Kuala Lumpur
Tel: 03-27308500 smbg. 2817
Email : norazuana@udanet.com
H/P : 019-2239153